

PM bentang Bajet 2005 di Dewan Rakyat 4 petang hari ini

KUALA LUMPUR 9 Sept. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan membentangkan Bajet 2005 di Dewan Rakyat pada pukul 4 petang esok.

Ini adalah pembentangan bajet pertama Abdullah yang juga selaku Menteri Kewa-

ngan sejak mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tun. Dr. Mahathir Mohamad pada 31 Oktober tahun lalu.

Ucapan Bajet 2005 itu akan disiarkan secara langsung oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM), TV3, ntv7 dan saluran Astro.

Bajet 2005 dinanti-nantikan oleh ramai orang kerana ia menjadi kunci kepada tindakan kerajaan menjana pembangunan ekonomi negara.

Beberapa pendekatan proaktif dijangka diperkenalkan bagi merangsang pertumbuhan ekonomi.

Selain itu, kerajaan juga dijangka mengumumkan beberapa dasar kewangan baru untuk mengekang perkara-perkara di luar jangka dcmi memastikan pertumbuhan ekonomi negara tidak tergugat.

Antara sektor yang disebut-sebut bakal

mendapat perhatian dalam Bajet 2005 ini ialah pertanian, teknologi maklumat dan komunikasi, (ICT), bioteknologi, industri kecil dan sederhana (IKS) serta pembuatan.

Ucapan bajet itu juga akan dipaparkan secara langsung di laman web Perbendaharaan di www.treasuri.gov.